


Headline **Islam panduan terbaik hidup**
 Date **07 Aug 2009**
 MediaTitle **Sinar Harian**
 Section **Selangor & KL**
 Journalist **Azira Mohd Nasir**
 Frequency **Daily**
 ADValue **3,740**

Language **Malay**
 Page No **S17**
 Article Size **680 cm²**
 Color **Full Color**
 PRValue **11,220**



Islam panduan terbaik hidup

Seandainya pasangan tidak memiliki akhlak mulia, lebih baik mereka bercerai dan hukumnya sunat. Dalam hal seperti ini, suami atau isteri perlu bertindak tegas dan tidak boleh memberi muka kepada pasangan.

AZIRA MOHD NASIR

**Bersama Imam Masjid
 Losong Haji Mat Shafie,
 Ustaz Baidarus Ahmad
 yang juga jurunikaah dan
 amil zakat.**

SOALAN: Pada pandangan ustaz, mengapa pasangan tetap meneruskan perkahwinan meskipun tahu pasangannya menghidap HIV/Aids?

Perasaan cinta yang menguasai diri adalah penyebab utama pasangan meneruskan perkahwinan meskipun sedar jika diteruskan boleh memudaratkan pasangan dan keturunan.

Namun, demi rasa sayang dan cinta yang tidak berbelah bahagi, manusia sanggup meredah risiko kerana tidak mahu kehilangan pasangan. Atas alasan itu, mereka akan berbuat apa sahaja asalkan dapat hidup bersama sehingga soal kesihatan diri bukan lagi keutamaan.

Mengikut hukum agama, Islam melarang keras umatnya mendekati diri kepada kemudaratannya kerana boleh menghancurkan masa depan mereka. Bak kata pepatah Melayu, ikut hati mati, ikut rasa badan binasa.

Fikir semasak-masaknya sebelum membuat keputusan kerana 'masjid' yang akan dibina itu bukan untuk sehari dua tetapi biar ia kekal hingga ke akhir hayat. Perkara itu paling dituntut Islam, tetapi tidak bermaksud

menghalangi pasangan menghidap HIV/Aids daripada berkahwin sebab mereka juga manusia biasa.

Cuma, saya sarankan seboleh-bolehnya elakkan diri daripada tercampak dalam lembah kehancuran. Mungkin pada masa ini, mereka tidak nampak kesannya kerana hanyut dibuai perasaan cinta terhadap pasangan. Tetapi apa yang membimbangkan apabila sudah berumah tangga kelak pelbagai masalah terpaksa dilalui.

Dalam hal ini, kekuatan agama akan melindungi dan menunjukkan mereka ke arah jalan yang betul. Setiap pasangan mesti melengkapkan diri mereka dengan ilmu agama, baru hidup tidak terumbang-ambing. Acaplah lagi, mahu membuat keputusan berkahwin. Ia bukan perkara mudah, banyak perkara harus difikirkan lebih-lebih lagi jika suami atau isteri yang bakal dikahwini disahkan positif HIV/Aids.

SOALAN: Apakah langkah terbaik untuk menyedarkan mereka?

Sebagai manusia berakal, mereka boleh berfikir mana baik atau buruk. Melaksanakan perkahwinan dituntut Islam bagi mengelakkan kemungkaran. Namun, jika pilihan yang dibuat menjerus kepada kemudaratannya, ia bukan lagi dituntut tetapi ditegah daripada meneruskan perkahwinan itu.

Hubungan yang hanya berlandaskan nafsu cinta semata-mata belum cukup kuat untuk mereka melayari bahtera perkahwinan. Cinta itu ibarat tempelan sahaja bagi memantapkan hubungan yang dijalinakan, dan kerana cinta ada

segelintir manusia sanggup mati.

Jadi, buka mata dan hati. Jangan diikutkan sangat kata hati, sebaliknya buat pilihan tepat dan ini penting supaya keturunan kita kelak menjadi orang baik. Dekatkan diri dengan Allah, belum terlewat jika ada pasangan mahu membatalkan perkahwinan kerana itulah yang terbaik buat mereka. Meskipun tidak ditakdirkan sebagai pasangan suami isteri, ngmun mereka boleh meneruskan hubungan sebagai kawan. Tidak perlu berdendam, anggap sahaja tiada jodoh antara mereka.

Jika diteruskan, banyak risiko akan ditempuhi, bukan sahaja pada diri, tetapi orang lain juga. Sekuat mana cinta mereka, tuntutan agama itu jauh lebih penting kerana hanya agama sahaja akan menyelamatkan mereka daripada jatuh tersungkur. Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda: "Tiada kemudaratannya dan tidak boleh melakukan kemudaratannya". Ia perlu diikuti manusia sekiranya mahu perkahwinan yang dibina bahagia dan sentiasa dalam keberkatan-Nya.

SOALAN: Pada masa kini, kes penceraihan sering berlaku meskipun perkahwinan yang didirikan itu atas dasar cinta. Tetapi, kenapa keadaan itu berlaku dan apakah puncanya?

Punca utama disebabkan tiada persepahaman antara mereka. Pada awal perkenalan, cinta menguasai segala-galanya. Namun, selepas berkahwin, barulah mereka kenal sikap sebenar pasangan. Bukan itu sahaja, faktor ekonomi juga mempengaruhi kehidupan berumah tangga. Sebelum berkahwin, pastikan pasangan mempunyai sumber ekonomi kukuh, tidaklah nanti wujud pertelingkahan sehingga menyebabkan penceraihan. Perkara ini perlu dipandang serius setiap pasangan. Berkahwin memanglah sangat dinanti-nantikan, namun untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai suami atau isteri memerlukan persediaan fizikal dan mental. Berusaha untuk memperbaiki kelemahan diri dan terapkan elemen hormat-menghormati sesama pasangan. Melakukan kesalahan adalah normal dalam hubungan



● Tugas utama isteri adalah menyempurnakan keperluan suami namun suami pula tidak seharusnya lepas tangan dalam melayari alam rumah tangga. Gambar hiasan.

suami isteri, tetapi biarlah ada tolak ansur antara satu sama lain.

Apa yang boleh saya katakan, senario penceraihan sekarang memang sangat membimbangkan. Apatah lagi orang Melayu paling ramai bercerai. Ini sesuatu yang sangat memalukan, namun jika itu suratan takdir, kita tidak boleh berbuat apa-apa. Cuma, apa yang boleh dilakukan adalah menasihati mereka supaya tabah menghadapi ujian Allah SWT dan meneruskan kehidupan seperti biasa.

SOALAN: Terdapat pelbagai hukum penceraihan. Ada sunat dan makruh. Boleh ustaz terangkan contoh kepada maksud hukum itu?

Seandainya pasangan tidak memiliki akhlak mulia, lebih baik mereka bercerai dan hukumnya sunat. Dalam hal seperti ini, suami atau isteri perlu bertindak tegas, dan tidak boleh memberi muka kepada pasangan. Jika sudah tidak mampu tinggal sebumbung, penceraihan adalah

penyelesaian terbaik. Namun, perlu diingatkan Islam melarang penceraihan melainkan ada sebabnya.

Sementara itu, bagi pasangan yang tidak mempunyai masalah tetapi bercerai tanpa sebab pula, hukumnya makruh. Perlakuan mereka itu tidak betul kerana boleh mendalangkan konflik dan mempengaruhi anak.

Cuba fikirkan, adakah perkahwinan yang didirikan hanya sekadar suka-suka atau mahu membina hubungan bahagia dengan pasangan. Perkahwinan ibarat perjudian hidup, kalah atau menang bergantung pada diri kita untuk mengemudinya.

Islam menetapkan ciri untuk memilih pasangan hidup. Patuhilah ajaran Islam dan jadikan ia sebagai panduan dalam melakukan apa juga perkara. Kita tidak boleh membuat sesuatu perkara dengan terburu-buru kerana tidak mustahil kelak kita yang rugi dan diselubungi kesesalan sepanjang hayat.

Buka mata dan hati. Jangan diikutkan sangat kata hati, sebaliknya buat pilihan tepat dan ini penting supaya keturunan kita kelak menjadi orang baik. Dekatkan diri dengan Allah, belum terlewat jika ada pasangan mahu membatalkan perkahwinan kerana itulah yang terbaik buat mereka. Meskipun tidak ditakdirkan sebagai pasangan suami isteri, namun mereka boleh meneruskan hubungan itu sebagai kawan. Tidak perlu berdendam, anggap sahaja tiada jodoh antara mereka.